

18/09/1997

Langkawi Yacht Club

Rosidi Daud

LANGKAWI Yacht Club (LYC) menjadi mercu tanda terbaru pulau legenda.

Dibina di tapak paling strategik seluas 1.2 hektar oleh Nilam Timur Sdn Bhd (Nilam Timur) bersebelahan jeti Kuah. Syarikat berkenaan dipengerusikan oleh Tunku Abdullah Tuanku Abdul Rahman.

Kelab eksklusif ini menjadi realiti kerana Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Beliau bertanya apa yang boleh saya sumbangkan kepada pembangunan Langkawi seperti membina hotel atau menyediakan perkhidmatan pengangkutan."

"Kebetulan saya gemar kapal. Untuk membina kelab seperti ini di pantai timur memang sukar kerana faktor geografi. Langkawi jadi pilihan tepat. Perdana Menteri sendiri yang pilih tapak ini," kata Tunku Abdullah, tokoh korporat tersohor ketika ditemui di kelab itu baru-baru ini. Kos pembinaan membabitkan belanja RM11 juta.

LYC memulakan operasi sejak 1 Disember tahun lalu. Pembukaan peringkat awal lebih tertumpu kepada marina yang mempunyai 43 pangkalan untuk kapal berukuran 60 kaki ke bawah dan lapan pangkalan (kapal berukuran 150 kaki ke atas).

Pada masa ini restoran Charlie's (nama timangan Tunku Abdullah) Place yang menyediakan pelbagai makanan tempatan dan Barat dibuka kepada orang ramai.

"Pembukaan awalnya secara kebetulan dengan Phuket International Regatta dan Raja Muda Regatta. Penuh kapal layar antarabangsa berkuasa besar berlabuh di sini," jelasnya. Tapak LYC diberikan oleh kerajaan negeri.

"Nilam Timur akan memberikan saham sebanyak 30 peratus kepada Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) sebagai pampasan tidak lama lagi tertakluk kepada kelulusan. Selebihnya milik Nilam Timur," jelasnya.

LYC menawarkan 24 ahli asas dengan yuran sebanyak RM60,000 setiap satu. Lima puluh ahli biasa pertama berikutnya dikenakan bayaran RM50,000 setiap satu.

"Yuran ahli akan meningkat pada tahun-tahun berikutnya dan keahliannya boleh dipindah milik. Kelab itu juga bercadang menjadikan premis ini sebab kelab rekreasi keluarga."

"Oleh kerana pulau ini tidak ada kelab seumpama ini di Langkawi seperti di Kuala Lumpur, kami ingin mengambil lebih ramai penduduk tempatan menjadi ahli. "Mereka ini dikenakan yuran RM10,000. Saya berharap dengan kerjasama dan sokongan kerajaan tempatan dan Persekutuan, tempat ini akan menjadi pusat sebagai tempat keluarga beriadah," kata Tunku Abdullah lagi.

Kemudahan disediakan di LYC selain daripada restoran awam ialah restoran untuk ahli, jacuzzi, sauna, dewan makan ahli, kolam renang, dobi, ponton, bekalan diesel, air dan elektrik dan banyak lagi. Kelab itu juga bercadang menyediakan kapal kecil untuk kanak-kanak.

Tunku Abdullah mengambil berat mengenai kedudukan LYC di masa depan.

"Kebanyakan kelab seumpama ini di seluruh dunia mempunyai hotel apartmen. Ini adalah tarikan tambahan kepada kemudahan yang disediakan."

"LYC juga akan menurut jejak langkah. Ia masih dalam perancangan. Mungkin pembinaannya bermula selewat-lewatnya tahun depan," jelasnya.

Perdana Menteri sendiri akan merasmikan kelab berkenaan sempena pameran LIMA 97 awal Disember ini.

(END)